



PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

KOMIK-M: GILA ROBOT

Khas bagi peminat pekomik Pac, Komik-M menampilkan komik *Gila Robot*. Popular dengan siri komik *Twinx* di Komik-M, Pac adalah artis komik tempatan yang unik kerana menjadikan sains sebagai teras dalam karya. Dengan keunikan itu, siri komik *Twinx* dinobatkan sebagai komik Terbaik dalam Anugerah Pekomik pada tahun 2010.

Komik *Gila Robot* ini adalah antologi 8 komik karya Pac yang pernah diterbitkan sebelum ini. Antaranya, *Adiwira*, *Twinx: Ramadhan*, *Twinx: Raya*, *SMS vs Kad Raya*, *Meriah Bola*, *Pengemis Siber* dan *Kawan Lama*. Namun, edisi ini lebih istimewa kerana komik ini mengandungi 128 muka surat dalam 100 peratus berwarna.

Lebih istimewa, pembaca akan mendapati selain daripada elemen sains, beliau juga bijak dalam menyampaikan unsur dakwah dan nilai-nilai kemanusiaan melalui karya yang dihasilkan. Bukan itu sahaja, cara beliau menyampaikan mesej juga jelas dan santai walaupun hanya berlatarkan sketsa kehidupan seharian.

Sudah pasti, kemunculan komik *Gila Robot* ini akan mewarnai lagi dunia penggemar komik beliau. Turut dimuatkan tip dan tutorial melukis komik gaya Pac dalam naskhah ini. Miliki siri *Twinx #1,#2,#3,#4* dan juga komik ini segera!

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Publicist

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my